

13/03/2000

Tanjong Karang calon Pak Lah

KLANG, Ahad - Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Tanjong Karang hari ini sebulat suara mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengekalkan jawatan Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk jawatan Timbalan Presiden.

Bahagian berkenaan juga mencalonkan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Abu Hassan Omar yang juga Ketua Umno Bahagian Kuala Selangor untuk jawatan Naib Presiden.

Turut dicalonkan untuk jawatan Naib Presiden ialah penyandangannya, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Terdahulu, berlaku persaingan bagi pencalonan Naib Presiden antara bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib yang dicalonkan oleh Ketua Pemuda Bahagian Tanjong Karang, Dr Mohd Khir Toyo menang dengan 79 undi manakala Muhammad yang dicadangkan oleh seorang perwakilan, Mohd Ali Berkat Ali memperolehi 41 undi.

(END)